

24 DEC 2001

Mahathir-Perutusan

JANGAN LENGAH DAN TERLALU YAKIN, NASIHAT DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat negara ini tidak boleh lengah dan terlalu yakin bahawa mereka akan selalunya selamat.

Ini kerana terdapat ramai penghasut dari luar dan dalam negara yang cuba meretakan hubungan baik antara rakyat pelbagai kaum dan agama di Malaysia, kata beliau.

"Berselindung kononnya perjuangan itu untuk demokrasi dan hak asasi manusia, mereka ini akan cuba mencetuskan huru-hara yang boleh menjejaskan kestabilan negara," katanya dalam perutusan khas sempena Hari Krismas esok.

Menurut beliau, perjuangan golongan yang berselindung itu mempunyai kepentingan politik tertentu.

Rakyat tidak boleh membenarkan golongan itu menyalahgunakan kebebasan demokrasi dan pemerintahan berasaskan undang-undang di negara ini untuk mengancam kestabilan negara yang telah diusahakan dengan begitu bersusah-payah. kata beliau.

"Jika hari ini penganut agama Kristian dan agama-agama lain dapat mengikuti agama masing-masing, ia disebabkan kita mempunyai pemerintahan yang prihatin terhadap semua rakyat," katanya.

Dr Mahathir gembira sambutan perayaan Krismas di negara ini dapat diadakan dalam suasana tenang dan sempurna walaupun dunia sedang bergolak dan menghadapi kemelesetan ekonomi akibat beberapa bencana dan peristiwa buruk yang berlaku tahun ini.

"Tahun ini adalah tahun yang penuh dengan mala petaka buatan manusia. Keganasan dan peperangan terus berlaku dengan mengorbankan beribu-ribu manusia yang tidak berdosa seperti di Amerika Syarikat, Afghanistan dan Palestin," katanya.

Perdana Menteri berkata di sesetengah negara kehidupan rakyatnya masih terus terancam dan menderita kerana pelbagai masalah berbanding negara ini yang rakyatnya hidup selesa dan bebas.

Beliau berkata rakyat negara ini amat bertuah kerana selalu bersikap sederhana dan toleran antara satu sama lain walaupun jika menganut agama yang berlainan.

"Dengan memperingatkan akan asas kebebasan beragama di Malaysia ini, saya dan isteri serta kerajaan mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Kristian," katanya.

-- BERNAMA

NZ MFJ NMO